



13 OCT, 2024

## Kastam guna 66 mesin pengimbas AI kesan barang seludup

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

# Kastam guna 66 mesin pengimbas AI kesan barang seludup

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**  
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Sebanyak 66 unit mesin pengimbas baharu dengan dilengkapi kecerdasan buatan (AI) yang mula beroperasi di pintu-pintu masuk utama negara meliputi udara, darat, dan air telah menggunakan teknologi *dual-view dual energy system* bagi mengesan penyeludupan barang terlarang dengan ketepatan 100 peratus.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd. Zainudin memberitahu *Mingguan Malaysia*, mesin pengimbas dengan teknologi terkini itu membolehkan tahap pemantauan terhadap barangan yang dibawa oleh penumpang dipertingkatkan selain menangani isu penyeludupan dadah ke negara ini.

Kata beliau, teknologi dual-view ini membolehkan pemaparan imej dari dua sudut iaitu pandangan sisi dan atas sekali gus memberikan gambaran yang lebih jelas kepada pegawai untuk menganalisis imej pengimbasan.

“Mesin pengimbas yang dilengkapi dengan teknologi AI ini dapat mengenal pasti barangan yang diimbas dalam masa 20 hingga 30 saat dengan ketepatan 100 peratus.

“Sebanyak 66 unit mesin pengimbas baharu ini telah mula beroperasi sejak awal tahun ini dalam mengekang penyeludupan seterusnya mengurangkan risiko ketirisan hasil,” katanya di sini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, JKDM turut memperoleh penambahan 20 ekor anjing pengesanan dadah (APD) jenis Labrador Retriever pada 7 Jun lalu



“Mesin pengimbas yang dilengkapi dengan teknologi AI ini dapat mengenal pasti barangan yang diimbas dalam masa 20 hingga 30 saat dengan ketepatan 100 peratus.”

**ANIS RIZANA MOHD. ZAINUDIN**

bagi aktiviti penguatkuasaan dalam pengesanan narkotik diperkasakan

“Anjing-anjing ini telah diperolehi dari India dan semua APD ini telah menjalani latihan serta diserahkan kepada negeri-negeri di seluruh negara pada 24 September lalu,” jelasnya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, JKDM yakin dan optimis dapat melepasi sasaran kutipan hasil sebanyak RM56 bilion tahun ini selepas memungut sebanyak RM48.97 bilion bagi tempoh 1 Januari sehingga 30 September lalu.

Jumlah ini sekali gus menyaksikan pungutan hasil dalam tempoh berkenaan telah melebihi sasaran semasa yang ditetapkan Kementerian Kewangan iaitu sebanyak RM42.42 bilion.

Pencapaian luar biasa itu berkat usaha dan kerjasama semua pegawai JKDM dengan berpaka-

sikan perspektif CTI iaitu Cepat, Tangkas dan Berintegriti selain hasil manifestasi dan perubahan yang dilakukan oleh JKDM dalam menguatkuasakan undang-undang.

Kejayaan itu boleh dilihat apabila pungutan hasil mencatatkan lebih sebanyak RM6.54 billion atau 15.43 peratus.

Bagi prestasi Bahagian Penguatkuasaan, sebanyak 5,196 kes direkodkan sehingga 31 Ogos lalu dengan nilai rampasan barangan termasuk duti atau cukai berjumlah RM1.25 bilion.

Ini adalah peningkatan nilai sebanyak 42.47 peratus berbanding RM884.26 juta bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

Komoditi yang dirampas merangkumi rokok, minuman keras, dadah, kenderaan, mercun dan bunga api serta lain-lain.



13 OCT, 2024

## Kastam guna 66 mesin pengimbas AI kesan barang seludup

Mingguan Malaysia, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

PETALING JAYA: Sebanyak 66 unit mesin pengimbas baharu dengan dilengkapi kecerdasan buatan (AI) yang mula beroperasi di pintu-pintu masuk utama negara meliputi udara, darat, dan air telah menggunakan teknologi dual-view dual energy system bagi mengesan penyeludupan barang terlarang dengan ketepatan 100 peratus. Ketua Pengarah Jabatan Kast am Diraja Malaysia (JKDM), Datuk Anis Rizana Mohd.